

Percuma



www.jomsolah.com

تاتاجارا صلاة دان وضوء

Tatacara Solat Dan Wuduk

Ustaz Salehuddin bin Abu Samah

B.A SYARIAH (Hons.) Islamic University Of Madinah,
Diploma Pendidikan (KPLI) Institut Pendidikan Guru Malaysia Sarawak



www.jomsolah.com

تاتاجارا صلاة دان وضوء

Tatacara Solat Dan Wuduk

Kandungan oleh :

Ustaz Salehuddin bin Abu Samah

Grafik :

JOMSOLAH DOTCOM

Tatacara Solat dan Wuduk

Jom Solat (2013)

Cetakan 1437 H • 2016 Masihi

Buku Tatacara Solat Dan Wuduk ini adalah percuma. **Tidak dibenarkan** mengeluarkan semula mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman dan lain-lain untuk tujuan perniagaan atau perkara-perkara yang melibatkan keuntungan.

Semoga Allah mengurniakan sebaik-baik ganjaran kepada semua pihak yang telah menyumbang untuk penghasilan dan mencetak buku Tatacara Solat Dan Wuduk ini.

"Ya Allah, terimalah amal kami yang sedikit ini dan jadikanlah amalan tersebut ikhlas semata-mata mengharapkan redha-Mu."



Penerbit

JOMSOLAH DOTCOM

(002401187-M)

www.jomsolah.com

www.facebook.com/jomsolah



Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan

Kata-Kata Aluan Mufti Wilayah Persekutuan

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam, kaum keluarganya, para sahabatnya dan para pengikutnya.

Syukur kepada Allah kerana dengan limpah kurnia-Nya, buku kecil **Tatacara Solat dan Wuduk** ini dapat diterbitkan untuk tatapan dan panduan para pembaca muslimin dan muslimat. Buku ini disusun oleh Ustaz Salehuddin bin Abu Samah, Penolong Pengurus, Jabatan Semakan Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad, Kuala Lumpur dan dibantu dari sudut grafiknya oleh JomSolah DotCom.

Pada hemat saya, buku kecil ini telah disusun dengan cara merujuk kepada sumber yang jelas dan dikemukakan dalam bentuk yang menarik. Huraian ringkas tentang wuduk dan solat yang disertakan dengan gambar-gambar yang jelas dan menarik dapat membantu ke arah memberikan panduan kepada muslimin dan muslimat untuk melaksanakan ibadah wuduk dan solat serta mempertingkatkan kualiti dalam ibadah tersebut yang merupakan rutin harian seorang muslim.

Mudah-mudahan, usaha ke arah mengajak masyarakat untuk melaksanakan ibadah wuduk dan solat dengan kaedah yang tepat seperti yang ditunjukkan oleh Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam ini akan diberkati Allah.

Saya bagi pihak Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan berharap agar buku kecil ini dapat dimanfaatkan oleh semua kelompok lapisan masyarakat. Semoga usaha murni seperti ini dapat diteruskan lagi dan sumbangan semua pihak yang terlibat dalam menghasilkan dan menyebarkan buku yang bermanfaat ini mendapat sebaik-baik ganjaran di sisi Allah 'Azza Wajalla.

S.S. DATUK DR. ZULKIFLI BIN MOHAMAD AL-BAKRI
Mufti Wilayah Persekutuan

Kelebihan Mendirikan Solat

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «الصلوات الخمس والجمعة إلى الجمعة، ورمضان إلى رمضان، ومكفرات ما بينهن إذا اجتنبت الكبائر».

رواه مسلم.

Daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'Anhu berkata, Rasulullah Sollallahu Alaihi Wa Sallam bersabda:

“Solat Lima Waktu, Solat Jumaat ke Solat Jumaat, Ramadan ke Ramadan akan menjadi penghapus dosa di antara keduanya selagi mana dijauhi segala dosa besar”.

Riwayat Muslim.

Doa Mohon Diri Sendiri Dan Zuriat Agar Sentiasa Mendirikan Solat

رَبِّ اجْعَلْنِي مُقِيمَ الصَّلَاةِ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي

رَبَّنَا وَتَقَبَّلْ دُعَاءِ

Wahai Tuhanku, jadikanlah daku orang yang mendirikan solat, dan zuriat keturunanku.
Wahai Tuhan kami, perkenankanlah doaku.

Surah Ibrahim, ayat 40

PELUANG INFAQ FISABILILLAH

UNTUK PERCETAKAN DAN PENYEBARAN BUKU TERBITAN
JOMSOLAH DOTCOM



Jazakumullahu khaira di atas sumbangan dan infaq daripada semua para penyumbang yang budiman. Semoga Allah Taala menerima amalan kita semua dan menjadikan kita di kalangan hamba-hamba-Nya yang soleh.

جَزَاكُمُ اللَّهُ خَيْرًا وَبَارَكَ اللَّهُ فِيكُمْ



No. Akaun **JomSolah DotCom**
5643 5150 8075 - Maybank Islamic

وَمَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ ابْتِغَاءَ
مَرْضَاتِ اللَّهِ وَتَثِيئًا مِّنْ أَنفُسِهِمْ
كَمَثَلِ جَنَّةٍ بِرَبْوَةٍ أَصَابَهَا وَابِلٌ فَفَاتَتْ
أَكْلَهَا ضَعْفَيْنِ فَإِن لَّمْ يُصِبْهَا وَابِلٌ
فَطَلَّ ۗ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿١٦٥﴾

Dan perumpamaan orang-orang yang membelanjakan hartanya karena mencari keredhaan Allah dan untuk keteguhan jiwa mereka, seperti sebuah kebun yang terletak di dataran tinggi yang disiram oleh hujan lebat, maka kebun itu menghasilkan buahnya dua kali ganda. Jika hujan lebat tidak menyiraminya, maka hujan gerimis (pun memadai).

Dan Allah Maha Melihat apa yang kamu lakukan.

(Surah Al Baqarah, ayat 265)





Kandungan

Tatacara Wuduk

8

Pengertian Wuduk	9
Rukun Wuduk	11
Perkara-perkara sunat ketika berwuduk	12
Perkara-perkara yang membatalkan Wuduk	13
Perkara-perkara makruh dilakukan ketika berwuduk	14
Bacaan sebelum dan selepas Wuduk	15

Tatacara Solat

17


Syarat Wajib Solat	18
Syarat Sah Solat	18
13 Rukun Solat	19
• Niat	20
• Berdiri bagi yang mampu	21
• Takbiratul Ihram	23
• Membaca Al-Fatihah	27
• Ruku' serta toma'ninah	30
• I'tidal serta toma'ninah	34
• Sujud serta toma'ninah	37
• Duduk di antara dua sujud serta toma'ninah	45
• Duduk Tahiyat Akhir	49
• Tasyahud Akhir	51
• Selawat ke atas Nabi selepas Tasyahud Akhir	54

• Memberi salam yang pertama	58
• Tertib	59
• Perbezaan cara solat wanita dengan solat lelaki	60
Simulasi pergerakan solat	69
Zikir selepas solat	70
Doa selepas solat	73
Doa Iftitah	74
Doa Qunut	75
Doa selepas Tahiyat Akhir sebelum salam	76
Rujukan	77



Tatacara Muduk





Tatacara Wuduk

Berpanduan Kitab Al-Feqh Al-Manhaji



Pengertian Wuduk


Wuduk dari segi bahasa :

Diambil daripada perkataan “**Wadho’ah**” yang bermaksud cantik, indah dan berseri.

Wuduk dari segi Syara’ :

- (Wuduk)** - Kata nama bagi perbuatan menggunakan air pada anggota-anggota tertentu yang disertai dengan niat.
- (Waduk)** - Nama bagi air yang digunakan untuk berwuduk





Tatacara Wuduk




Firman Allah Taala Tentang Fardu (Rukun) Wuduk

Wahai orang-orang yang beriman,
apabila kamu ingin mendirikan solat
maka hendaklah kamu

1. **Membasuh mukamu**
2. **Membasuh tanganmu hingga ke siku**
3. **Menyapu sebahagian kepalamu**
4. **Membasuh kakimu sehingga ke buku lali**

Surah Al-Ma'idah, ayat 6

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى
الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ
إِلَى الْمَرَافِقِ وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ
وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ المائدة: ٦



Tatacara Wuduk

Fardu (Rukun) Wuduk



1



Niat

Lintaskan di dalam hati:
" Sahaja aku berwuduk
kerana Allah Taala "

2



Membasuh muka

Panjangnya
Daripada tempat tumbuh rambut
hingga ke bawah dagu
Lebarinya
Daripada telinga sebelah kanan ke
telinga sebelah kiri

3



Membasuh kedua belah tangan hingga ke siku

4



Menyapu sebahagian kepala

5



Membasuh kedua belah kaki hingga ke buku lali


6

Tertib

Melakukan perlakuan wuduk dengan mengikut turutan seperti yang ditunjukkan oleh Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wa Sallam.

Wajib mendahulukan perkara yang mesti didahulukan dan mengakhirkan perkara yang mesti diakhirkan.





Perkara-perkara Sunat Ketika Berwuduk

1. Membaca Bismillah pada permulaannya
2. Membasuh kedua-dua belah tapak tangan
3. Bersugi atau menggosok gigi
4. Berkumur-kumur
5. Memasukkan air ke dalam hidung dengan menggunakan tangan kanan dan mengeluarkan air daripada hidung dengan menggunakan tangan kiri
6. Menyelat-nyelat janggut yang tebal
7. Menyapu air ke semua bahagian kepala
8. Menyelat-nyelat di antara celah-celah jari-jari kaki dan tangan
9. Menyapu telinga dengan air di bahagian luar dan dalam cuping telinga dengan air yang baru bukan dengan air yang digunakan ketika menyapu kepala
10. Mengulang sebanyak tiga kali pada basuhan dan sapuan wuduk
11. Mendahulukan anggota wuduk sebelah kanan
12. Menggosok-gosok dengan tangan ketika membasuh anggota wuduk
13. Berturut-turut
14. Membasuh dan menyapu anggota wuduk melebihi had wajib
15. Berjimat menggunakan air ketika berwuduk
16. Mengadap kiblat ketika berwuduk
17. Tidak bercakap-cakap ketika berwuduk
18. Membaca doa selepas berwuduk





Tatacara Wuduk



Perkara-Perkara Yang Membatalkan Wuduk

- 1** Keluar sesuatu daripada salah satu jalan sama ada kencing, buang air besar, darah atau pun angin.

- 2** Tidur yang tidak tetap

- 3** Hilang akal disebabkan mabuk, pitam atau pun gila

- 4** Menyentuh kulit seseorang ajnabi tanpa berlapis

- 5** Menyentuh kemaluan sendiri atau orang lain sama ada pada bahagian hadapan (qubul) atau belakang (dubur) dengan tapak tangan atau jari tanpa berlapis.





Tatacara Wuduk



Perkara-perkara makruh dilakukan ketika berwuduk

1. Berlebih-lebihan menggunakan air ketika berwuduk
2. Membasuh tangan kiri sebelum tangan kanan
3. Mengelap anggota wuduk dengan kain atau tuala
4. Menampar muka dengan air
5. Membasuh dan menyapu anggota wuduk lebih daripada tiga kali
6. Meminta bantuan orang lain untuk membasuh anggota wuduk tanpa sebarang keuzuran
7. Berlebih-lebihan ketika berkumur dan memasukkan air ke dalam hidung bagi orang yang berpuasa

Apakah pengertian **MAKRUH** ?

- Jika ditinggalkan dapat pahala, jika dibuat tidak berdosa.
- Sebaik-baiknya kita diminta untuk meninggalkan perkara-perkara makruh.
- Contohnya :
Mendahulukan anggota kiri ketika mengambil wuduk.



Bacaan Sebelum & Selepas

Wuduk




Bacaan sebelum Wuduk

بِسْمِ اللّٰهِ

“Dengan nama Allah”

Hadis Riwayat Abu Daud, Ibnu Majah dan Ahmad.





Bacaan selepas Wuduk

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

"Aku mengaku bahawasanya tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah yang Maha Esa, Yang tiada sekutu bagi-Nya dan aku mengaku bahawasanya Nabi Muhammad itu hamba-Nya dan Pesuruh-Nya"

Riwayat Muslim

اللَّهُمَّ اجْعَلْنِي مِنَ التَّوَّابِينَ وَاجْعَلْنِي مِنَ الْمُتَطَهِّرِينَ

"Ya Allah, jadikanlah aku daripada golongan orang yang bertaubat dan jadikanlah aku daripada golongan orang-orang yang bersih"

Riwayat At-Tirmizi

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، أَسْتَغْفِرُكَ
وَأَتُوبُ إِلَيْكَ.

Maha Suci Engkau Ya Allah dan segala puji bagi Allah. Aku mengaku bahawasanya tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau. Aku memohon keampunan-Mu dan aku bertaubat kepada-Mu"

An-Nasa'ie dalam Amal al-Yaum al-Lailah

Tatacara Solat





Tatacara Solat

www.jomsolah.com



Syarat WAJIB Solat

- 1 Islam
- 2 Suci daripada haid dan nifas
- 3 Berakal
- 4 Baligh
- 5 Berada dalam keadaan sedar (tidak tidur)

Syarat SAH Solat

- 1 Toharah (suci)
 - i. Suci badan daripada sebarang hadas
 - ii. Suci badan daripada najis
 - iii. Suci pakaian daripada najis
 - iv. Suci tempat solat daripada najis
- 2 Masuk waktu solat
- 3 Menutup aurat
- 4 Mengadap kiblat



13 Rukun Solat

Mengikut Mazhab Syafi

Toma'ninah?

Toma'ninah dalam solat adalah berhenti sejenak untuk menenangkan hati dalam rangka melakukan gerakan solat lebih lanjut

1. Niat
2. Berdiri bagi orang yang mampu
3. Takbiratul Ihram
4. Membaca Al-Fatihah
5. Ruku' serta **toma'ninah**
6. I'tidal serta **toma'ninah**
7. Sujud serta **toma'ninah**
8. Duduk di antara dua sujud serta **toma'ninah**
9. Duduk Tahiyyat Akhir
10. Membaca Tasyahud Akhir
11. Selawat ke atas Nabi selepas Tasyahud Akhir
12. Memberi salam yang pertama
13. Tertib



Rukun Pertama : Niat

Dalilnya :

يَقُولُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّةِ

Sabda Nabi Sallallahu 'Alaihi Wa Sallam :

“Sesungguhnya amalan itu bergantung kepada niat”.

Riwayat Al-Bukhari

Maksud Niat

- Qosod (keinginan) untuk melakukan sesuatu yang diiringi dengan perbuatan
- Tempatnya ialah hati


Syarat Sah Niat

- Niat mesti diiringi dengan Takbiratul Ihram
- Hati fokus dan sedar ketika mengangkat takbir
- Ingat jenis solat dan kefardhuannya



Rukun Kedua : Berdiri tegak bagi orang yang mampu ketika solat fardhu.

Dalilnya :



“Dan berdirilah kerana Allah (dalam solatmu) dengan khusyuk”

Surah Al-Baqarah, ayat 238

عَنْ عِمْرَانَ بْنِ حُصَيْنٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ كَانَتْ بِي بَوَاسِيرٌ
فَسَأَلْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الصَّلَاةِ فَقَالَ صَلِّ قَائِمًا
فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَقَاعِدًا فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَعَلَى جَنْبٍ

Daripada 'Imran bin Husain menyatakan bahawa beliau terkena penyakit buasir dan beliau bertanya kepada Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wa Sallam bagaimana caranya untuk beliau bersolat. Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wa Sallam bersabda : “Solatlah kamu dalam keadaan berdiri, jika tidak mampu maka solatlah secara duduk, jika tidak mampu juga solatlah dalam keadaan mengiring di atas rusukmu.”

Riwayat Al-Bukhari



Rukun Kedua :

Berdiri tegak bagi orang yang mampu ketika solat fardhu.

Contoh Berdiri Tegak



Perkara Penting Tentang Rukun Ke-2 (Berdiri Tegak)

1. Wajib berdiri bagi orang mampu dalam solat fardhu
2. Tidak diwajibkan berdiri dalam solat sunat
3. Jika seseorang itu mampu berdiri pada sebahagian solat dan tidak mampu pada sebahagian yang lain maka wajib baginya berdiri pada bahagian yang dia mampu.

**Kedudukan kaki
ketika qiyam
(berdiri tegak)**





Rukun Ketiga : Takbiratul Ihram

Dalilnya :

عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ
قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِفْتَاحُ الصَّلَاةِ
الطُّهُورُ وَتَحْرِيمُهَا التَّكْبِيرُ وَتَحْلِيلُهَا التَّسْلِيمُ

Maksudnya :

Sabda Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam:

"Pembuka solat ialah bersuci (berwuduk), permulaan ihramnya (mengharamkannya daripada perkara-perkara yang di luar solat) adalah Takbiratul Ihram dan tahlilnya (menghalalkannya) adalah memberi salam".

Riwayat At-Tirmizi dan Abu Daud

Syarat Sah Takbiratul Ihram :

1. Mesti melafazkannya dalam keadaan berdiri tegak
2. Melafazkannya dalam keadaan benar-benar mengadap kiblat
3. Menyebutnya dalam bahasa arab
4. Memperdengarkan semua hurufnya kepada diri sendiri (sebut secara terang)
5. Mesti diiringi dengan niat



Rukun Ketiga : Takbiratul Ihram

Cara Mengangkat Takbiratul Ihram Yang **BETUL**



Ibu jari tangan paras bawah cuping telinga



Tangan paras di telinga



Tangan paras bahu

Cara Mengangkat Takbiratul Ihram Yang **TIDAK BETUL**





Rukun Ketiga : Takbiratul Ihram

Cara Mendakap Tangan



Cara Yang Betul

Mendakap tangan di antara dada dan pusat (pandangan Mazhab Syafii)



Salah satu cara yang diamalkan dalam sebahagian mazhab



Cara yang tidak menepati pandangan Mazhab Syafii



Rukun Ketiga : Takbiratul Ihram Bacaan Semasa Takbiratul Ihram

اللَّهُ أَكْبَرُ

ALLAH MAHA BESAR



Rukun Keempat : Membaca Al-Fatihah

Dalilnya :

عَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ
أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ
لَا صَلَاةَ لِمَنْ لَمْ يَقْرَأْ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ

Daripada 'Ubadah bin Somit, sesungguhnya Nabi Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam bersabda :
"Tidak sah solat sesiapa yang tidak membaca Al-Fatihah".

Riwayat Al-Bukhari



Rukun Keempat : Membaca Al-Fatihah

Syarat Sah Bacaan Al-Fatihah

1. Diri sendiri mendengar Al-Fatihah yang dibaca
2. Membaca secara tertib mengikut turutan ayat Al-Fatihah yang betul
3. Menjaga makhraj huruf dan segala hukum tajwidnya
4. Tidak melagukan bacaannya dengan gaya bacaan yang boleh merosakkan maknanya
5. Membacanya dalam bahasa Arab
6. Tidak boleh membaca terjemahannya
7. Mesti membacanya dalam keadaan masih berdiri. Jika ruku' dalam keadaan masih lagi menyempurnakan bacaan Al-Fatihahnya maka solatnya batal dan wajib mengulangnya semula.



Rukun Keempat : Membaca Al-Fatihah

Bacaan Surah Al-Fatihah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿١﴾ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٢﴾ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿٣﴾
مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ ﴿٤﴾ إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾ أَهْدِنَا الصِّرَاطَ
الْمُسْتَقِيمَ ﴿٦﴾ صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ﴿٧﴾

Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.

Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang Memelihara dan Mentadbirkan sekalian alam,

Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.

Yang Menguasai pemerintahan hari Pembalasan (Hari Akhirat).

Engkaulah sahaja (Ya Allah) yang kami sembah dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan.

Tunjukilah kami jalan yang lurus.

laitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka,

bukan (jalan) orang-orang yang Engkau telah murkai dan bukan pula (jalan) orang-orang yang sesat.

Surah Al-Fatihah



Rukun Kelima : Ruku' Serta Toma'ninah

Dalilnya :

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ

وَأَرْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ

البقرة : ٤٣

Maksudnya :

"Dan dirikanlah kamu akan solat dan keluarlah zakat dan ruku'lah kamu semua bersama-sama orang-orang yang ruku'."

Surah Al-Baqarah, ayat 43

Toma'ninah?

Toma'ninah dalam solat adalah berhenti sejenak untuk menenangkan hati dalam rangka melakukan gerakan solat lebih lanjut

Dalil daripada Hadith :

ثُمَّ ارْكَعْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ رَاكِعًا

Maksudnya :

Sabda Nabi Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam kepada seorang lelaki yang tidak sempurna solatnya :

"Kemudian kamu ruku' sehinggalah kamu betul-betul tenang dalam ruku'mu itu."

Riwayat Al-Bukhari



Rukun Kelima : Ruku' Serta Toma'ninah

Syarat Sah Ruku' :

1. Tapak tangan betul-betul memegang lutut
2. Bahagian belakang lurus ketika tunduk ruku'
3. Tidak berniat ketika tunduk melainkan ruku' semata-mata kerana Allah.
4. Toma'ninah (tenang dan tertib) ketika ruku'






Rukun Kelima : Ruku' Serta Toma'ninah

Cara Ruku' Yang **BETUL**




Cara Ruku' Yang **Tidak Tepat**

Contoh 1



Contoh 2





Rukun Kelima : Ruku' Serta Toma'ninah Bacaan Semasa Ruku'

سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيمِ وَ بِحَمْدِهِ

Maha Suci Tuhanku Yang Maha Agung dan segala puji untuk-Nya.

(Dibaca sebanyak 3x)



Rukun Keenam :

I'tidal Serta Toma'ninah

laitu berdiri yang memisahkan di antara ruku' dan sujud

Dalilnya :

ثُمَّ ارْفَعْ حَتَّى تَعْتَدِلَ قَائِمًا

Maksudnya :

Sabda Nabi Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam: "Kemudian bangun daripada ruku' dan berdiri tegak (sehingga setiap tulang kembali ke tempatnya)"

Riwayat Al-Bukhari

Toma'ninah ?

Toma'ninah dalam solat adalah berhenti sejenak untuk menenangkan hati dalam rangka melakukan gerakan solat lebih lanjut

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ وَكَانَ إِذَا رَفَعَ رَأْسَهُ مِنَ الرُّكُوعِ لَمْ يَسْجُدْ حَتَّى يَسْتَوِيَ قَائِمًا

Maksudnya :

Saidatina A'isyah Radhiallahu 'Anha menyatakan bahawa Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam apabila mengangkat kepalanya daripada ruku', baginda tidak akan terus sujud kecuali setelah baginda berada dalam keadaan betul-betul berdiri tegak.

Riwayat Muslim



Rukun Keenam : I'tidal Serta Toma'ninah

Syarat Sah I'tidal

1. Tidak meniatkan perbuatan I'tidal melainkan untuk ibadah kepada Allah
2. Hendaklah toma'ninah (bertenang) ketika I'tidal paling kurang dengan kadar bacaan satu tasbih
3. Tidak boleh berdiri terlalu lama ketika I'tidal



Cara I'tidal Yang Salah





Rukun Keenam :
I'tidal Serta Toma'ninah
Bacaan Semasa I'tidal

سَمِعَ اللهُ لِمَنْ حَمِدَهُ

Allah mendengar orang yang memuji-Nya

رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ

Wahai Tuhan kami, sesungguhnya untuk Engkau lah segala pujian



Rukun Ketujuh : Sujud Serta Toma'ninah

Toma'ninah ?

Toma'ninah dalam solat adalah berhenti sejenak untuk menenangkan hati dalam rangka melakukan gerakan solat lebih lanjut

Dalilnya :

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ارْكَعُوا وَاسْجُدُوا ... ﴾
الحج: ٧٧

Maksudnya :

"Wahai orang-orang yang beriman, ruku'lah dan sujudlah kamu..."

Surah Al-Hajj, ayat 77

Dalil daripada Hadith :

ثُمَّ اسْجُدْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ سَاجِدًا

Maksudnya :

Sabda Nabi Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam :

"Kemudian sujudlah kamu sehingga kamu betul-betul bertenang ketika sujud."

Riwayat Al-Bukhari



Rukun Ketujuh : Sujud Syarat Sah Sujud

1. Dahi terdedah ketika menyentuhnya ke tempat sujud
2. Pastikan sujud di atas tujuh anggota
 - i. **Dahi (serta hidung)**
 - ii. **Dua tapak tangan**
 - iii. **Dua lutut**
 - iv. **Dua hujung jari kaki**
3. Meninggikan bahagian punggung lebih daripada kepala
4. Tidak sujud di atas pakaian yang bersambung dengan badan
5. Tidak meniatkan sujud melainkan semata-mata kepada Allah sahaja
6. Toma'ninah (bertenang) ketika sujud paling kurang dengan kadar satu tasbih
7. Menekan dahi ke tempat sujud



Rukun Ketujuh : Sujud Kedudukan Tujuh Anggota Sujud

Dua belah
hujung jari kaki

Dua belah lutut

Dua belah
tapak tangan

Hidung

Dahi





Rukun Ketujuh : Sujud Kedudukan Tangan Ketika Sujud

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
كَانَ إِذَا صَلَّى فَرَجَ بَيْنَ يَدَيْهِ حَتَّى
يَبْدُو بَيَاضَ إِبْطِيهِ

Maksudnya :

Sesungguhnya Nabi Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam (ketika Baginda sujud) Baginda merenggangkan kedua belah tangannya daripada sisinya sehingga kelihatan putih ketiak Baginda Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam.

Riwayat Al-Bukhari dan Muslim



Lengan/Siku Direnggangkan (Untuk Lelaki)



Rukun Ketujuh : Sujud

Mengangkat siku ketika sujud

Sabda Nabi Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam :
" Apabila sujud, letakkanlah kedua-dua telapak tangan kamu dan angkatlah siku kamu".

Riwayat Muslim dan Ahmad



**Siku Diangkat
Ketika Sujud**



Kesalahan : Siku rapat ke lantai



Jari dirapatkan ketika sujud



Meletakkan wajah di antara Dua tangan ketika sujud

Rukun Ketujuh : Sujud Merapatkan jari ketika sujud

Sesungguhnya Nabi Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam apabila ruku', Baginda merenggangkan jarinya dan apabila sujud, Baginda merapatkan jarinya.

Riwayat Al-Baihaqi dan Ad-Daaruthni



Kedudukan tangan yang **SALAH** ketika sujud



Rukun Ketujuh : Sujud
Kedudukan kaki yang BETUL ketika sujud



KURANG TEPAT



SALAH





Rukun Ketujuh : Sujud Bacaan Ketika Sujud

سُبْحَانَ رَبِّيَ الْأَعْلَىٰ وَ بِحَمْدِهِ

Maha Suci Tuhanku Yang Maha Tinggi dan segala puji untuk-Nya.

(Dibaca sebanyak 3x)



Rukun Kelapan :

Duduk di antara dua sujud serta Toma'ninah

Dalilnya :

Dalil daripada Hadith Nabi:

ثُمَّ اَرْفَعُ حَتَّى تَطْمَئِنَّ جَالِسًا

Maksudnya :

Sabda Nabi Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam : "Kemudian bangunklah kamu sehingga kamu betul-betul bertenang duduk di antara dua sujud."

Riwayat Al-Bukhari

Toma'ninah ?

Toma'ninah dalam solat adalah berhenti sejenak untuk menenangkan hati dalam rangka melakukan gerakan solat lebih lanjut

Syarat Sah Duduk Di Antara Dua Sujud:

1. Hendaklah meniatkan duduk itu sebagai ibadah kepada Allah
2. Tidak boleh duduk terlalu lama
3. Duduk dalam keadaan toma'ninah (betul-betul bertenang). Kadar masanya paling kurang bacaan satu kali tasbih



Rukun Kelapan: Duduk di antara dua sujud

Dalil Duduk Di Antara Dua Sujud

ضَعْ أَلْيَتَيْكَ بَيْنَ قَدَمَيْكَ وَأَلْزِقْ
ظَاهِرَ قَدَمَيْكَ بِالْأَرْضِ

Maksudnya:

Sabda Nabi Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam: "Letakkan punggung kamu di antara dua kakimu (duduk di atas tapak kaki kiri) dan bahagian atas kaki kiri dirapatkan ke lantai."

Riwayat Ibnu Majah

Caranya:

1. Duduk di atas tapak kaki kiri (seolah-olah kaki kiri jadi alas) (Iftirasy)
2. Kaki kanan ditegakkan di atas lantai
3. Hujung jari kaki kanan mengadap ke arah kiblat
4. **Kedudukan cara duduk di antara dua sujud ini sama untuk lelaki dan perempuan**





Rukun Kelapan: Duduk di antara dua sujud

Kedudukan tangan ketika duduk di antara dua sujud



Kedudukan tangan yang **BETUL**



Kedudukan tangan yang **SALAH**



Kedudukan tangan yang **BETUL**



Kedudukan tangan yang **SALAH**



Rukun Kelapan: Duduk di antara dua sujud Bacaan Ketika Duduk Di Antara Dua Sujud

رَبِّ اغْفِرْ لِي وَارْحَمْنِي وَأَجْبِرْنِي وَارْفَعْنِي
وَارْزُقْنِي وَاهْدِنِي وَعَافِنِي وَأَعْفُ عَنِّي

Ya Allah, ampunilah dosaku, **rahmatilah aku,**
dan cukupkanlah segala kekuranganku, dan tinggikanlah darjatku,
dan berikanlah rezeki kepadaku, dan berikanlah aku petunjuk,
dan berikanlah kesihatan kepadaku, dan berikanlah ampunan kepadaku.



Rukun Kesembilan : Duduk Tasyahud Akhir

Dalilnya :

Hadith Nabi Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam

حَتَّىٰ إِذَا كَانَتْ السَّجْدَةُ الَّتِي يَنْقُضِي فِيهَا التَّسْلِيمُ
أَخَّرَ إِحْدَى رِجْلَيْهِ وَجَلَسَ عَلَى شِقِّهِ الْأَيْسَرِ مُتَوَرِّكًا

Maksudnya

Sehingga apabila Nabi Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam berada pada sujud yang terakhir yang ada salam padanya, Baginda mengeluarkan kakinya dan duduk di atas sebelah kaki kirinya secara duduk tawarruk (punggung di atas lantai)

Riwayat Abu Daud



Rukun Kesembilan: Duduk Tasyahud Akhir

Cara Duduk Tasyahud Akhir (Duduk Tawarruk)



**Kedudukan Kaki Ketika
Duduk Tasyahud Akhir**



**Kedudukan tangan Ketika
Duduk Tasyahud Akhir**



**Kedudukan Jari Ketika
Bacaan Syahadah Ketika
Duduk Tasyahud Akhir**



Rukun Kesepuluh : Tasyahud Akhir

Dalilnya :

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعَلِّمُنَا التَّشَهُدَ كَمَا يُعَلِّمُنَا السُّورَةَ مِنَ الْقُرْآنِ
فَكَانَ يَقُولُ: التَّحِيَّاتُ الْمُبَارَكَاتُ الصَّلَوَاتُ الطَّيِّبَاتُ لِلَّهِ، السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ
وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ، السَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ

Maksudnya

“Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam mengajar kami lafaz tasyahud sebagaimana Baginda mengajar kami surah daripada Al-Quran. Baginda bersabda yang bermaksud: Segala penghormatan yang suci, segala pujian yang baik hanya bagi Allah Subhanahu Wa Taala, selamat sejahtera ke atasmu wahai Nabi dan rahmat Allah serta keberkatan-Nya ke atasmu. Selamat sejahtera ke atas kami dan semua hamba Allah yang soleh. Aku menjadi saksi bahawa tiada Tuhan yang sebenar-benarnya selain Allah dan aku menjadi saksi bahawa Nabi Muhammad Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam pesuruh Allah.”

Riwayat Muslim



Rukun Kesepuluh : Tasyahud Akhir

Syarat Sah Tasyahud Akhir:

1. Hendaklah memperdengarkan bacaan tasyahud ke telinga sendiri
2. Bersambung keseluruhan bacaan tahiyat. Tidak boleh memisahkan di antara bacaannya dengan diam yang panjang
3. Membaca tasyahud dalam keadaan duduk
4. Membacanya dalam Bahasa Arab
5. Menjaga setiap makhraj hurufnya
6. Membaca ikut tertib sepertimana yang diajar oleh Rasulullah Solallahu 'Alaihi Wa Sallam



Rukun Kesepuluh : Tasyahud Akhir

Bacaan Ketika Tasyahud Akhir

التَّحِيَّاتُ الْمُبَارَكَاتُ الصَّلَوَاتُ الطَّيِّبَاتُ لِلَّهِ،

Segala penghormatan yang berkat, solat yang baik adalah untuk Allah.

السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam sejahtera ke atas engkau wahai Nabi dan rahmat Allah serta keberkatan-Nya.

السَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ.

Salam sejahtera ke atas kita dan hamba-hamba Allah yang soleh.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Aku bersaksi bahawa tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah.

وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ.

Dan aku bersaksi bahawa Muhammad itu adalah pesuruh Allah.

(Sambung ke muka surat bacaan semasa membaca Solawat Ke Atas Nabi Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam)



Rukun Kesebelas :

Membaca Solawat Ke Atas Nabi Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam

Dalilnya :

Firman Allah Taala :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ
ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾ الأَحْزَابُ: ٥٦

Maksudnya :

" Sesungguhnya Allah dan para malaikatnya bersolawat ke atas Nabi, wahai orang-orang yang beriman, bersolawatlah kamu dan sampaikanlah salam kepada Nabi."

Surah Al-Ahzab, ayat 56



Rukun Kesebelas :

Membaca Solawat Ke Atas Nabi Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam

Solawat Ke Atas Nabi Dalam Tahiyyat akhir

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِ مُحَمَّدٍ
 كَمَا صَلَّيْتَ عَلٰى اِبْرٰهِيْمَ وَعَلٰى آلِ اِبْرٰهِيْمَ
 وَبَارِكْ عَلٰى مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِ مُحَمَّدٍ
 كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى اِبْرٰهِيْمَ وَعَلٰى آلِ اِبْرٰهِيْمَ
 فِي الْعَالَمِيْنَ اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ

Ya Allah, berselawatlah ke atas Nabi Muhammad Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam serta keluarganya

Sebagaimana Engkau berselawat ke atas Nabi Ibrahim serta keluarganya

Dan berkatilah Nabi Muhammad Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam serta keluarganya

Sebagaimana Engkau memberkati Nabi Ibrahim serta keluarganya.

Sesungguhnya Engkau Maha Terpuji dan Maha Mulia di seluruh alam ini

Riwayat Abu Daud



Rukun Kesebelas :

Membaca Solawat Ke Atas Nabi Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam

Syarat Sah Solawat Ke Atas Nabi Pada Tahiyyat Akhir:

1. Memperdengarkan kepada telinga sendiri
2. Hendaklah menggunakan lafaz "Muhammad"
3. Hendaklah membacanya dalam Bahasa Arab
4. Tertib pada susunan bacaan solawat
5. Solawat mesti dibaca selepas bacaan tasyahud akhir. Tidak boleh mendahulukan solawat sebelum tasyahud akhir



Rukun Kedua Belas : Memberi Salam Yang Pertama

Dalilnya :

عَنْ عَلِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِفْتَاحُ الصَّلَاةِ
الطُّهُورُ وَتَحْرِيمُهَا التَّكْبِيرُ وَتَحْلِيلُهَا التَّسْلِيمُ

Maksudnya

Daripada Saidina Ali Radhiallahu 'Anhu, sabda Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam: "Pembuka solat ialah bersuci (berwuduk), permulaan ihramnya (mengharamkannya daripada perkara-perkara yang di luar solat) adalah Takbiratul Ihram dan tahlilnya (menghalalkannya) adalah memberi salam".

Riwayat Abu Daud

Bacaan Salam Yang Sempurna

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ

Salam sejahtera untukmu, rahmat Allah dan berkat-Nya



Rukun Kedua Belas: Memberi salam yang pertama Cara Memberi Salam



**Cara memberi salam yang tepat,
TIDAK PERLU TUNDUK
pada pertengahannya**



Rukun Ketiga Belas : Tertib Pada Setiap Rukun

Dalilnya :

Perbuatan Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam dan ajaran Baginda kepada para sahabatnya yang menunjukkan setiap perbuatan dalam solat dilakukan dengan mengikut turutan berdasarkan hadith-hadith yang sahih.

Perbezaan cara solat wanita dengan solat lelaki





Perbezaan cara solat wanita dengan solat lelaki

Pada pandangan Mazhab Syafii

SUNAT bagi perempuan yang bersolat melakukan cara yang berbeza daripada lelaki pada

5 Perkara





Perbezaan cara solat wanita dengan solat lelaki

1 Merapatkan anggotanya antara satu dengan yang lain ketika sujud

A. Merapatkan dua siku ke rusuk

B. Melekapkan perut ke pehanya.

Berlainan dengan lelaki, mereka sunat merenggangkan kedua-dua belah siku daripada rusuknya dan menjarakkan perut daripada dua pehanya.

Dalilnya :

إِذَا سَجَدْتُمْ فَضُمَّمَا بَعْضَ اللَّحْمِ إِلَى الْأَرْضِ، فَإِنَّ الْمَرْأَةَ لَيْسَتْ فِي ذَلِكَ كَالرَّجُلِ

Maksudnya: "Apabila sujud rapatkanlah sebahagian badan kamu ke lantai kerana orang perempuan tidak sama cara sujudnya sebagaimana orang lelaki."

Riwayat al-Baihaqi



Perbezaan cara solat wanita dengan solat lelaki





Perbezaan cara solat wanita dengan solat lelaki

2

Memperlahankan suara

Walaupun ketika bersolat yang bacaannya nyaring (جَهْرٌ) sekiranya bersolat di tempat yang ada lelaki bukan mahram kerana dikhuatiri menimbulkan fitnah.

Dalilnya :

فَلَا تَخْضَعْنَ بِالْقَوْلِ فَيَطْمَعَ الَّذِي فِي قَلْبِهِ مَرَضٌ

Maksudnya: "Oleh itu janganlah kamu berkata-kata dengan lembut manja (semasa bercakap dengan lelaki asing) kerana yang demikian boleh menimbulkan keinginan orang yang ada penyakit dalam hatinya (menaruh tujuan buruk pada kamu)."

Surah Al-Ahzab, ayat 32



Perbezaan cara solat wanita dengan solat lelaki

3

Orang perempuan yang ingin mengingatkan orang lain untuk sebarang tujuan tentang sesuatu yang berlaku ketika hendak bersolat bertepuk tangan dengan cara menepuk tangan kanan ke atas belakang tangan kirinya. Sementara orang lelaki pula hanya bertasbih dengan suara yang kuat tetapi bukan dengan tujuan memberi ingatan.

Dalilnya :

Daripada Sahal bin Sa'ad Radhiallahu 'Anhu, Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam bersabda:

مَنْ رَأَى شَيْءًا فِي صَلَاتِهِ فَلْيُسَبِّحْ، فَإِنَّهُ إِذَا سَبَّحَ التُّنِيتَ إِلَيْهِ، وَإِنَّمَا التَّصْفِيقُ لِلنِّسَاءِ

Maksudnya: "Sesiapa yang meragui sesuatu ketika solat hendaklah bertasbih. Apabila bertasbih dia akan diberi perhatian sementara bertepuk tangan hanya untuk wanita."

Riwayat Al-Bukhari dan Muslim



Perbezaan cara solat wanita dengan solat lelaki

4

Sebagaimana yang dinyatakan aurat perempuan adalah seluruh anggota badan melainkan muka dan dua tapak tangan.

Dalilnya :

وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا

Maksudnya: "Dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya."

Surah An-Nur, ayat 31

Pendapat yang masyhur di kalangan ulama' menyatakan bahawa maksud perhiasan ialah tempat-tempat perhiasan tersebut, dan maksud yang zahir daripadanya ialah muka dan tapak tangan.

Daripada Ummu Salamah Radhiallahu 'Anha, beliau bertanya kepada Nabi Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam

أُتْصَلِي الْمَرْأَةُ فِي دِرْعٍ وَخِمَارٍ لَيْسَ عَلَيْهَا إِزَارٌ قَالَ:
إِذَا كَانَ الدِّرْعُ سَابِغًا يُغَطِّي ظَهْرَ قَدَمَيْهَا

Maksudnya: "Adakah perempuan bersolat dengan pakaian labuh dan tudung kepala sahaja tanpa memakai kain?"
Sabda Baginda: "Apabila baju itu labuh hingga menutup bahagian yang zahir daripada dua tapak kakinya."

Riwayat Abu Daud



Perbezaan cara solat wanita dengan solat lelaki

5 Azan tidak sunat bagi orang perempuan namun sunat baginya iqamah sahaja.

Walau bagaimanapun tidak makruh jika perempuan azan dengan suara yang perlahan malah ia dianggap sebagai zikir yang berpahala. Tetapi jika azan dengan suara yang kuat hukumnya makruh malah haram pula jika dikhuatiri fitnah. Sebagaimana diketahui azan adalah sunat bagi mereka pada setiap solat fardhu yang akan didirikan.



Simulasi Pergerakan Solat Fardhu Subuh • 2 Rakaat

Niat

Rakaat 1



1



2



3



4



5



6



7



8

Rakaat 2



9



10



11



12



13



14



15



16



17

Doa Qunut
(Solat Subuh Sahaja)

Memberi Salam

Zikir Dan Doa



Zikir Selepas Solat

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ

Dibaca 3x (Riwayat Muslim)

اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ، وَمِنْكَ السَّلَامُ، تَبَارَكْتَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ

Dibaca 1x (Riwayat Muslim)

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ،
اللَّهُمَّ لَا مَانِعَ لِمَا أَعْطَيْتَ، وَلَا مُعْطِيَ لِمَا مَنَعْتَ، وَلَا يَنْفَعُ ذَا الْجَدِّ مِنْكَ الْجَدُّ

Dibaca 1x (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ، وَلَهُ الْحَمْدُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ، لَهُ النِّعْمَةُ وَلَهُ الْفَضْلُ وَلَهُ الثَّنَاءُ الْحَسَنُ،
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ

Dibaca 1x (Riwayat Muslim)



Zikir Selepas Solat

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Dibaca 10x selepas Solat Subuh dan Solat Maghrib (Riwayat at- Tirmizi dan An-Nasa'ie)

اللَّهُمَّ أَعِنِّي عَلَى ذِكْرِكَ، وَشُكْرِكَ، وَحُسْنِ عِبَادَتِكَ

(Riwayat Abu Daud dan An-Nasa'ie)

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ ۗ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ ۗ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۗ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ ۗ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ ۗ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا ۗ وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾ (سورة البقرة)

Dibaca 1X (Riwayat An-Nasa'ie dan Ibnu as-Sunni)



Zikir Selepas Solat

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾ اللَّهُ الصَّمَدُ ﴿٢﴾ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ﴿٣﴾ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ ﴿٤﴾ (سورة الإخلاص)

Dibaca 1x (Riwayat Abu Daud, at-Tirmizi dan An-Nasa'ie)

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ ﴿١﴾ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿٢﴾ وَمِنْ شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ ﴿٣﴾ وَمِنْ شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ ﴿٤﴾

وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ ﴿٥﴾ (سورة الفلق)

Dibaca 1x (Riwayat Abu Daud, at-Tirmizi dan An-Nasa'ie)

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ ﴿١﴾ مَلِكِ النَّاسِ ﴿٢﴾ إِلَهِ النَّاسِ ﴿٣﴾ مِنْ شَرِّ الْوَسْوَاسِ الْخَنَّاسِ ﴿٤﴾

الَّذِي يُوسِّسُ فِي صُدُورِ النَّاسِ ﴿٥﴾ مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ ﴿٦﴾ (سورة الناس)

Dibaca 1x (Riwayat Abu Daud, at-Tirmizi dan An-Nasa'ie)

سُبْحَانَ اللَّهِ 33x ، الْحَمْدُ لِلَّهِ 33x ، اللَّهُ أَكْبَرُ 33x

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ 1x

(Riwayat Muslim)

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ عِلْمًا نَافِعًا، وَرِزْقًا طَيِّبًا، وَعَمَلًا مُتَقَبَّلًا

Selepas Solat Subuh (Riwayat Ahmad, Ibnu Majah dan Ibnu as-Sunni)



Doa Selepas Solat

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ،
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذُنُوبِي وَلِوَالِدَيَّ وَارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا، وَلِجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِنِّي عَلَى ذِكْرِكَ، وَشُكْرِكَ، وَحُسْنِ عِبَادَتِكَ.

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبُخْلِ، وَ أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْجُبْنِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ أَنْ أُرَدَّ إِلَى أَرْذَلِ الْعُمُرِ،
وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الدُّنْيَا وَعَذَابِ الْقَبْرِ. اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْجَنَّةَ وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ النَّارِ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

وَصَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.



Doa Iftitah

Dibaca sebelum membaca Surah Al-Fatihah rakaat pertama

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا
وَجَّهْتُ وَجْهِيَ لِلَّذِي فَطَرَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ حَنِيفًا مُسْلِمًا وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ
إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ
لَا شَرِيكَ لَهُ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ.

Allah Maha Besar dan segala puji bagi Allah dengan banyaknya. Maha suci Allah sepanjang pagi dan petang.

Aku hadapkan wajahku bagi Tuhan yang mencipta langit dan bumi, dengan suasana lurus dan berserah diri dan aku bukan dari golongan orang musyrik.

Sesungguhnya solatku, ibadatku, hidupku, matiku adalah untuk Allah Tuhan sekalian alam.

Tidak ada sekutu bagi-Nya dan kepadaku diperintahkan untuk tidak menyekutukan bagi-Nya dan aku dari golongan orang Islam.



Doa Qunut

Dibaca semasa Solat Subuh

اللَّهُمَّ اهْدِنِي فِيمَنْ هَدَيْتَ ، وَعَافِنِي فِيمَنْ عَافَيْتَ ، وَتَوَلَّنِي فِيمَنْ تَوَلَّيْتَ ،
وَبَارِكْ لِي فِيمَا أَعْطَيْتَ ، وَقِنِي شَرَّ مَا قَضَيْتَ ، فَإِنَّكَ تَقْضِي وَلَا يُقْضَى عَلَيْكَ ،
وَإِنَّهُ لَا يَدُلُّ مَنْ وَالَيْتَ ، وَلَا يَعِزُّ مَنْ عَادَيْتَ ، تَبَارَكْتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ ،
فَلَكَ الْحَمْدُ عَلَى مَا قَضَيْتَ ، وَأَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ ،
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ

Ya Allah berikanlah aku hidayah sebagaimana mereka yang telah Engkau beri hidayah. Berikan kesihatan kepadaku sebagaimana mereka yang telah Engkau berikan kesihatan. Dan peliharalah aku sebagaimana orang-orang yang telah Engkau peliharakan. Berilah keberkatan bagiku pada apa-apa yang telah Engkau kurniakan. Dan selamatkan aku dari bahaya yang telah Engkau tentukan. Maka sesungguhnya, Engkaulah yang menghukum dan bukannya yang dihukum hukum. Dan sesungguhnya tidak hina orang yang Engkau pimpin. Dan tidak mulia orang yang Engkau musuhi. Maha Suci Engkau wahai Tuhan kami dan Maha Tinggi Maka bagi Engkaulah segala pujian di atas apa yang Engkau hukumkan. Aku memohon ampun dari-Mu dan aku bertaubat kepada-Mu. Dan semoga Allah mencurahkan rahmat dan sejahtera ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan keluarganya.



Doa Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam: Selepas Tahiyyat Akhir Sebelum Salam

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ، وَمِنْ عَذَابِ جَهَنَّمَ،
وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ، وَمِنْ شَرِّ فِتْنَةِ الْمَسِيحِ الدَّجَالِ

Ya Allah, sesungguhnya aku memohon perlindungan dengan-Mu daripada azab kubur, daripada azab api neraka jahanam, daripada fitnah kehidupan dan kematian dan daripada kejahatan fitnah al-Masih al-Dajjal.

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Rujukan: *Kitab Hisnul Muslim* oleh Syeikh Dr. Sa'îd bin 'Alî bin Wahf al-Qahtani



Rujukan

1. Al-Quran Al-Karim
2. Kitab Al-Fiqhu Al-Manhaji 'Ala Mazhab Al-Imam Asy-Syafii Cetakan Darul Qalam
3. Terjemahan Kitab Al-Fiqhu Al-Manhaji 'Ala Mazhab Al-Imam Asy-Syafii Terbitan Darul Syakir
4. Formula Solat Sempurna oleh Ustaz Dr. Zaharuddin bin Abdul Rahman
5. Perisai Muslim oleh Dr. Abdul Basit bin Abdul Rahman

- Nota kuliah ini adalah ringkasan daripada kuliah panjang yang telah disampaikan.
- Sebahagian daripada nota ini memerlukan kepada huraian yang lebih terperinci.
- Sebarang pembetulan terhadap kesilapan yang ada amatlah dialu-alukan.
- Penyusun memohon maaf di atas segala kekurangan dan kesilapan yang ada.
- Sesungguhnya kesempurnaan adalah hanya milik Allah Taala.

Jom Solat telah diasaskan oleh Nadia Syazwani Binti Zahari (Nadia Zahari 1988-2013) yang telah pulang ke Rahmatullah pada 9 Syawal 1435H bersamaan 16 Ogos 2013.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهَا وَارْحَمَهَا وَعَافِهَا وَاعْفُ عَنْهَا

"Ya Allah, ampunkanlah dosanya, rahmatilah dia, selamatkanlah dia dan maafkanlah dia."



Ustaz Salehuddin bin Abu Samah

B.A SYARIAH (Hons.) Islamic University Of Madinah,
Diploma Pendidikan (KPLI)
Institut Pendidikan Guru Malaysia Sarawak

Panelis Tanyalah Ustaz TV9
Kolumnis Majalah Al-Ustaz





www.jomsolah.com